

NO. SOALAN: <sup>102</sup>~~103~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6852**

**SOALAN:**

**Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jenis visa yang diberi kepada warga Iran yang ditahan semasa operasi yang berlangsung pada 11-12 Mei 2014 berhubung dengan pengedaran dadah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Bukit Aman telah menangkap seorang warga Iran di perkarangan Berjaya Time Square, Kuala Lumpur pada 12 Mei 2014 kerana disyaki terlibat pengedaran dadah. Saringan awal ujian urin ke atas subjek mendapati subjek positif dadah. Subjek telah ditangkap dan siasatan dijalankan di bawah Sek. 5(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Sek. 6(3) Akta Imigresen 1959 kerana tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

Butir-butir suspek yang ditangkap seperti berikut:-

Nama : Seyed Abolfazl Sajjadi

No. Pasport : B 5654809

Siasatan lanjut yang dijalankan mendapati bahawa subjek pernah ditangkap di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 pada 2 Jun 2008 dan dikenakan Perintah Tahanan selama 2 tahun di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor. Pada 22 Januari 2009, Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan Perintah Pembatalan Perintah Tahanan dan subjek telah dibebaskan dan diusir ke Iran. Pada Jun 2009, maklumat risikan JSJN mendapati subjek telah berada kembali dalam negara dan terlibat dengan

**aktiviti pengedaran dadah sejak awal 2010. Subjek telah diserahkan ke Jabatan Imigresen untuk tujuan pengusiran setelah pertuduhan di bawah Seksyen 15 (1)(a) ADB telah ditarik semula.**